

05 SEP 2001

LEAD KUAN YEW-NAFI

KUAN YEW NAFI S'PURA SABOTAJ EKONOMI M'SIA

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew hari ini menafikan tuduhan bahawa republik itu telah mensabotaj ekonomi Malaysia ketika tempoh krisis kewangan serantau 1997-98.

Lee memberitahu sidang media di sini, hari ini bahawa Singapura tidak akan bertindak sedemikian dan ianya tidak masuk akal.

"Mula-mula sekali, adakah kami berkeupayaan untuk mensabotaj ekonomi Malaysia? Adakah dengan berbuat demikian akan menguntungkan kami? Pertamanya, keupayaan kami terhad, melainkan kami mahu membawa bencana ke atas diri sendiri dan meruntuhkan diri sendiri."

Kata beliau, jika Singapura mahu menjatuhkan ekonomi Malaysia, ia sendiri akan turut menderita serta terpaksa menanggung keperitan dan kerugian kerana bank-banknya beroperasi di sini, syarikat-syarikatnya melabur dalam sektor pembuatan, manakala sebahagian rakyat Singapura membeli rumah dan harta di Malaysia.

"Saya tidak faham mengapa Singapura mahu membawa mudarat kepada Malaysia, sekalipun kami boleh berbuat demikian. Ia tidak masuk akal," tambahnya.

Apabila ditanya mengapa bank-bank Singapura menaikkan kadar faedah mereka dalam deposit ringgit semasa tempoh itu, beliau berkata Singapura merupakan sebuah pusat kewangan antarabangsa dan kadar tersebut dikenakan oleh bank-bank swasta dan tidak ada kena mengena dengan kerajaan.

"Bank-bank ini merupakan pusat pertukaran bebas dan satu-satunya cara untuk menghentikan pertukaran ini ialah cara Dr Mahathir melakukannya...dan kami percaya...menjadikannya tidak sah. Indonesia telah berbuat demikian bagi urus niaga hadapan rupiah," katanya lagi.

Semasa tempoh krisis kewangan, banyak deposit ringgit disimpan dalam bank-bank berpangkalan di Singapura kerana perbezaan kadar faedah yang tinggi dan ini sedikit sebanyak membawa kesan buruk kepada matawang tempatan.

Menyentuh prestasi ekonomi Singapura tahun ini, Lee berkata lembaga industri negara menjangkakan pertumbuhan 0.5 peratus dalam keluaran dalam negara kasar (KDNK) manakala pakar ekonomi persendirian mengunjurkan pertumbuhan negatif 0.5 hingga negatif 1.0 peratus.

"Walau apapun, ianya tidak memuaskan," katanya.

Mengenai beberapa isu pertikaian antara Singapura dan Malaysia berkaitan bekalan air dan pembangunan tanah KTM di Singapura, beliau berkata kedua-dua negara telahpun mencapai perjanjian bersama berhubung perkara itu. -- BERNAMA

SHO SHY ZK KY AA